



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF KERAJAAN BANTU GOLONGAN B40, CALON SPM DAN STPM TAHUN 2021

Golongan isi rumah B40 dan calon-calon yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di seluruh negara akan berpeluang menikmati kemudahan Internet yang lebih baik melalui pelbagai inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan pada suku pertama tahun 2021 nanti.

Di bawah inisiatif-inisiatif yang memberi fokus kepada golongan B40, calon SPM dan STPM tersebut, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi akan menyediakan pelbagai kemudahan iaitu:

- Enam (6) syarikat telekomunikasi iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia (TM) dan TIME akan menawarkan capaian WIFI percuma di kawasan umum di 130 Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih di seluruh negara sehingga akhir bulan April 2021;
- Waktu operasi semua Pusat Internet Komuniti (PIK) akan dilanjutkan iaitu dari pukul 9.00 pagi sehingga 9.00 malam setiap hari;
- Kerajaan dengan kerjasama pihak industri juga akan melaksanakan program subsidi Jaringan Prihatin untuk golongan B40 seperti yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2021. Program ini dijangka bermula pada Mac 2021 dan melibatkan peruntukan kredit telekomunikasi bernilai RM180 seorang (RM15 sebulan) atau subsidi bagi menampung sebahagian kos pembelian peranti pintar kepada golongan B40;
- Kemudahan data 1GB percuma yang terdahulunya akan tamat pada 31 Disember 2020 akan dilanjutkan sehingga bermulanya program subsidi Jaringan Prihatin;
- Syarikat-syarikat telekomunikasi juga akan memperkenalkan tawaran pakej Pakej Data Khas SPM/STPM 2021 sehingga tamat peperiksaan pada akhir April 2021. Pakej ini dijangka akan ditawarkan mulai 6 Januari 2021 dan maklumat lanjut boleh didapati di laman web MCMC dan syarikat perkhidmatan telekomunikasi masing-masing.

Saya berharap inisiatif-inisiatif yang ditawarkan ini akan memberi manfaat secara langsung kepada golongan B40 serta memudahkan calon-calon SPM dan STPM membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

18 DISEMBER 2020